

04/09/1999

Pesawat Russia pikat Malaysia

Hafifi Hafidz

DARI aspek kos dan harga, dikatakan model pesawat buatan Russia jauh lebih rendah. Bagaimanapun tindakan media antarabangsa yang lebih pro kepada Amerika Syarikat manakala sikap tertutup Russia sendiri sebelum ini, menyebabkan dunia tidak mengetahui banyak keupayaan dan kecanggihan sebenar teknologi mereka. Malah, disebabkan semuanya diuruskan secara terus oleh Moscow, ramai juga tidak tahu di wilayah atau republik mana dalam Persekutuan Russia kapal terbang dan helikopter itu dihasilkan.

Sebagai kuasa besar yang sudah membuka pintunya, Russia mula melangkah laju mempromosikan kecanggihan teknologinya. Jika dulu apa yang dihasilkan lebih kepada untuk kegunaan sendiri dan sekutu-sekutunya terutama bagi tujuan pertahanan, sekarang pasaran bebas menjadi buruannya. Beberapa syarikat yang bergiat dalam industri penerbangan dan perkapalan kini mula menawarkan kepada banyak negara untuk mengadakan kerjasama termasuk mempelawa melabur terus ke negara mereka. Wilayah dan republik di Persekutuan Russia yakin masalah kekurangan kemasukan modal asing boleh diatasi jika pelbagai tawaran kerjasama untuk tujuan komersil mula dihulurkan. Malaysia tidak terkecuali. Pada masa yang sama, republik dan wilayah itu akur dasar pelaburan yang lebih menjuruskan kepada kawalan dan syarat kemasukan asing yang terlalu ketat serta membebankan, akan hanya menjadi halangan utama kepada impian pembangunan mereka.

Lawatan kerja Dr Mahathir ke wilayah Khabarovsky dan Republik Buryatia baru-baru ini dilihat sebagai pembuka jalan untuk Malaysia menerokai lebih banyak peluang pelaburan industri penerbangan dan perkapalan, secara besar-besaran. Ini adalah lawatan pertama Perdana Menteri ke Persekutuan Russia selepas melawat Moscow pada 1987. Dr Mahathir bagaimanapun sebelum ini pernah melawat beberapa negara Komanwel Negara Merdeka (CIS) selepas bekas Soviet Union itu berpecah.

Khabarovsky dan Buryatia adalah antara republik dan wilayah autonomi yang masih di bawah Persekutuan Russia. Terletak di timur jauh Russia, Khabarovsky agak hampir dengan Pulau Hokkaido, Jepun. Sebahagian besar penduduk negara itu bertumpu mendiami ibu kotanya, Khabarovsk - kaya dengan pelbagai tinggalan sejarah - berhampiran Sungai Amur yang diduduki oleh lebih 700,000 orang. Buryatia yang beribukotakan Ukan Ude, terletak di bahagian tengah Asia. Bersempadan dengan wilayah Chita dan Irkutsk, republik itu adalah pusat utama mengeluarkan pelbagai pesawat helikopter di Russia.

Sebelum lawatan Dr Mahathir ke dua negara itu, tidak banyak yang diketahui dan boleh dimanfaatkan oleh Malaysia mengenai industri penerbangan dan perkapalan di Russia. Malah Perdana Menteri mengakui, beliau sendiri tidak pernah mengetahui helikopter Russia kebanyakannya datang dari Ulan Ude. Beliau yang menyifatkan lawatan ke sana itu sangat berjaya, yakin Malaysia akan dapat mempertingkatkan lagi kerjasama dengan Russia dalam industri penerbangan, selaras usaha Malaysia menghasilkan lebih banyak pesawat kecil untuk pelbagai kegunaan.

Industri penerbangan dan pertahanan Russia begitu bersepadu dan kelebihan ini boleh digunakan oleh Malaysia untuk tujuan kerjasama. Kini sudah ada tanda-tanda awal, Buryatia, Khabarovsky dan Malaysia boleh bekerjasama mengadakan perkhidmatan servis dan menghasilkan beberapa pesawat helikopter kecil untuk tujuan memadam kebakaran serta membuat hujan tiruan. Lagipun, Malaysia sudah mempunyai pengalaman menghasilkan pesawat kecil model Eagle bagi tujuan eksport. Kini tidak mustahil dengan

Russia, kita mampu menghasilkan helikopter.

Komsomolsk-na-Amur Aircraft Production (KnAAPO), adalah satu-satunya pusat pengeluaran pesawat terkemuka Russia di wilayah Khabarosky. Ia sudah 60 tahun beroperasi mengeluarkan pelbagai pesawat dan jet pejuang. KnAAPO yakin selain pengalaman, jika ia dapat digandingkan dengan pelabur yang komited dari negara membangun seperti Malaysia, kegiatan komersial secara besar-besaran dalam industri itu boleh diterokai.

Dalam lawatannya ke Khabaraovsk, Dr Mahathir sempat melawat KnAAPO yang menghasil pelbagai pesawat jenis Sukhoi. Beliau dan rombongan kemudiannya menyaksikan demonstrasi penerbangan Sukhoi Su-27, yang mampu membuat penerbangan 4,000 kilometer tanpa berhenti.

Republik Buryatia juga menyambut kedatangan pelabur tempatan Malaysia. Pusat Penerbangan Ulan Ude (UUAP) mempelawa pelabur kita untuk bekerjasama menghasilkan pesawat pelbagai guna, dipercayai yang pertama di dunia mampu mendarat dan berlepas secara menegak. UUAP yakin pesawat C-16 itu yang ketika ini belum dikeluarkan secara komersil tetapi hanya untuk kegunaan tentera Russia bagi mengawal kedudukan strategik di beberapa wilayah dan juga di terusan serta sungai di Siberia, boleh dihasilkan bersama.

"Russia dan Malaysia boleh berpadu tenaga. Dengan keupayaan intelektual yang ada pada UUAP dan pelbagai kelebihan di pihak Malaysia, kerjasama menghasilkan C-16 ini boleh dilakukan. UUAP memerlukan pelaburan untuk projek ini.

"Kami sudah bersiap sedia untuk projek ini dan mempelawa Malaysia melabur. UUAP berharap Malaysia menimbangkannya," kata seorang pengarah syarikat itu dalam taklimat kepada Perdana Menteri. UUAP yang ditubuhkan pada 1939 menghasilkan pesawat C-16 itu apabila sekumpulan kakitangannya melawat Filipina yang memerlukan pesawat seperti itu untuk menghubungi ratusan pulau di negara itu.

Jalinan persahabatan dan kerjasama yang sudah dipupuk dengan Khabarovsk dan Buryatia juga berkemungkinan menyaksikan Malaysia menjadi tumpuan utama pelbagai kegiatan industri penerbangan di Asia berteraskan teknologi Russia termasuk khidmat lepas jualan.

Sebagai permulaan, semakin jelas Subang akan dijadikan pangkalan bagi cadangan usahasama Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd (AIM) dan UUAP bagi menubuhkan pusat perkhidmatan servis dan penyenggaraan helikopter bagi rantau ini. Walaupun belum ada sebarang perjanjian atau memorandum ditandatangani. AIM dan UUAP setuju untuk mewujudkan kerjasama perniagaan ke arah menubuhkan pusat perkhidmatan dan penyenggaraan helikopter itu.

Presiden AIM, Leftenan Jen (B) Datuk Seri Mohd Yunus Tasi yang turut serta dalam rombongan Perdana Menteri menjelaskan, perbincangan dengan UUAP mengenai penubuhan pusat itu semakin meyakinkan dan hampir menjadi kenyataan. Subang mungkin dipilih sebagai lokasinya yang strategik kerana berdekatan dengan pangkalan milik Airod Malaysia Sdn Bd, sebuah anak syarikat AIM.

Hasil siri perbincangan dengan UUAP, Mohd Yunus berkata, perundingan selanjutnya akan menyentuh mengenai beberapa perkara penting. Selepas setuju mengadakan kerjasama, AIM dan UUAP akan cuba menyelesaikan jumlah pelaburan, pegangan ekuiti dalam usahasama itu jangkaan segi pulangan pelaburan. Dijangka menjelang Lima 99 di Langkawi, November ini, semuanya dapat dibereskan.

Penyertaan AIM ini bukan untuk mengambil alih perkhidmatan yang sudah diadakan di UUAP sebaliknya sebagai sokongan kepada kerja penyenggaraan helikopter di Asia. Ketika ini hampir semua daripada 100 helikopter jenis itu yang beroperasi di Asia terpaksa dihantar ke Russia setiap kali penyenggaraan hendak dibuat. Ketika melawat Malaysia Julai lalu, Presiden Buryatia, Veonid V Potavop melahirkan hasrat republiknya untuk membuka pusat penerbangan di Malaysia bagi memasarkan pelbagai helikopter buatan

negara itu.

Katanya, penubuhan pusat penyenggaraan peringkat Asia di Malaysia itu berpotensi besar dan ia juga boleh menawarkan perkhidmatan selepas jualan. Beberapa negara termasuk China dan Vietnam sudah membuat tawaran sama kepada Russia untuk membuka pusat itu.

UUAP yang sudah menghasilkan hampir 10,000 helikopter yang dijual di seluruh dunia, juga mengeluarkan Yakolev Yak-3, Mikoyan, MiG-15, MiG-27 Kamor ka-15/18/25 dan helikopter Mi-171.

Jelas potensi pasaran helikopter buatan Russia di Asia Tenggara juga besar dan Malaysia boleh turut serta memasarkannya. Di akhir lawatan ke Russia, Dr Mahathir menawarkan kepada Russia untuk memasarkan pelbagai helikopter yang dikeluarkan oleh UUAP.

"Kita percaya ada pasaran yang besar bagi helikopter Russia di Asia Tenggara tetapi pemasarannya tidak dibuat secara berkesan. Malaysia merasakan kita boleh membantu untuk memasarkan helikopter itu di (Asia Tenggara)," kata Dr Mahathir.

Dalam industri perkapalan, walaupun belum ada kerjasama pelaburan yang nyata Malaysia bercadang membeli beberapa kelengkapan untuk kegunaan termasuk haidrofoil untuk tujuan mengangkut penumpang ke pulau peranginan. Dalam kegiatan galian, Malaysia Mining Corporation (MMC) Bhd sedang berusaha mencari peluang mengadakan usahasama komersil di Buryatia terutama melombong emas dan permata.

Dr Mahathir sangat berminat dengan kapal terbang dan yakin satu hari Malaysia mampu menempa nama di peta antarabangsa dalam industri itu. Minatnya yang tinggi terserlah apabila Lima diadakan di Malaysia. Jika Russia menjadi pilihan kita sebagai batu loncatan kepada usaha itu, sememang amat bijak hubungan secara terus dengan republik atau wilayah yang khusus terbabit dalam industri itu dijalin. Ia akan lebih memudahkan pemindahan teknologi dibuat tanpa banyak birokrasi daripada Moscow.

(END)